

Mahathir anggap Howard pembuli tidak diperlukan

UM 18 MAY 2000

SYDNEY 17 Mei — Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menganggap rakan sejawatannya dari Australia, John Howard sebagai 'pembuli' yang tidak begitu dialukan kehadirannya di Asia.

Dr. Mahathir berkata, Australia sepatutnya bersikap seperti sebuah negara kecil, bukan cuba mengajarnya mengenai bagaimana harus menguruskan hal ehwal mereka.

Beliau melabelkan undang-undang Australia terhadap golongan Aborigin di negara itu sebagai 'tidak adil' dan mendakwa Howard lebih memihak kepada bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jika Australia mahu berkawan dengan Asia, ia harus berhenti darinya bersikap seolah-olah ia hadir untuk mengajar kami bagaimana mahu menguruskan negara kami," katanya dalam wawancara dengan televisyen SBS yang disiarkan malam ini.

"Jika dilihat dari segi jumlah ia sebuah negara yang kecil dan seharusnya bersikap sebagai sebuah negara kecil dan bukan menjadi guru."

Ditanya sama ada beliau berpendapat, Howard diterima di Asia, Dr. Mahathir berkata: "Tidak, saya rasa tidak, sekurang-kurangnya bukan di Malaysia." — AFP